



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM TEKAD TERUS MEMPERKASA PERANAN WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos 2023 – YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan YB Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan hari ini telah berkongsi pandangan dalam program *ISM Social Talk* bersempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan yang disambut pada 25 Ogos 2023 yang lalu. Dalam *ISM Social Talk* Siri 7 yang membawa tema **“Wanita dan Pembentukan Malaysia Madani”**, YB Hajah Nancy Shukri telah mengupas topik **“Dari Wanita kepada Wanita”** dan YB Puan Fadhlina Binti Sidek membincangkan topik **“Wanita dan Pendidikan, Menerajui Perubahan”**.

Dalam memperkasakan bangsa Malaysia yang sejahtera, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperkenalkan nilai K.A.S.I.H iaitu Kasih sayang, Akhlak mulia, Sihat, Ilmu dan Harmoni dalam melahirkan komuniti dan masyarakat yang seimbang secara holistik. Nilai-nilai murni ini dibangunkan dan disuburkan menerusi peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan sejak dari bangku sekolah menerusi Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang menerapkan Modul 5C iaitu Murid Contoh, Murid Cerdas, Murid Cerdik, Murid Cergas dan Murid Ceria. Ekosistem SUMUR dan KASIH ini merupakan satu simbiosis dalam mengangkat Malaysia Madani iaitu penerapan nilai-nilai murni bagi membentuk minda dan jiwa bangsa Malaysia yang luhur.

Matlamat SUMUR ini untuk melahirkan murid-murid yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi oleh murid-murid lain, sentiasa memburu ilmu untuk kebahagiaan dunia dan akhirat serta ketahanan dalam menghadapi cabaran hidup. Usaha-usaha ini pula tidak terhenti semasa tamatnya persekolahan dan pengajian, malah disambut pula oleh KPWKM dengan matlamat melahirkan individu, keluarga dan masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan serta menyanjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan.

Usaha memperkasakan wanita dalam pendidikan dapat dilihat dalam Indeks Jurang Gender Malaysia (MCGI) iaitu kadar enrolmen kasar wanita diperingkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi kekal mendahului lelaki. Potensi golongan wanita sangat besar untuk diteroka terutama untuk mengorak langkah bagi merealisasikan konsep Malaysia Madani sejajar dengan komitmen Kerajaan pada Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam *Beijing Declaration and Platform for Actions* dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Konsep Karamah Insaniah (*human dignity*) merupakan satu konsep yang menyatukan antara segmen rukunegara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berteraskan konsep manusiawi iaitu setiap pelajar mempunyai perasaan empati dan kasih-sayang antara satu sama lain. Konsep ini adalah satu ikhtiar secara komprehensif dan holistik ke arah pembangunan sumber manusia yang berakhlak dan berintegriti sama ada pelajar mahupun warga pendidik.

ISM *Social Talk* yang dianjurkan KPWKM melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) iaitu sebuah pusat latihan dan pembangunan sosial, yang berfungsi sebagai platform perkongsian ilmu, pengalaman dan maklumat mengenai isu-isu sosial negara. ISM juga menjadi ruang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk berdiskusi dan melihat isu-isu sosial secara positif dan menjadikannya sebagai peluang menambah baik pembangunan sosial dalam kehidupan bermasyarakat di Malaysia.

KPWKM yakin penganjuran program seperti ini yang dijalankan melalui usahasama dengan Kementerian Pendidikan akan memberikan nilai tambah kepada usaha Kementerian dalam membentuk masyarakat Malaysia yang prihatin dan sejahtera selain meningkatkan keterangkuman sosial yang lebih kukuh.

Turut hadir dalam program ini, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM serta pegawai-pegawai kedua-dua Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 OGOS 2023**